

Orkestra UMS

martabatkan alat muzik tradisional

Oleh HENRY BATING

NEGERI Sabah Di Bawah Bayu mempunyai pelbagai keunikan cara hidup, budaya, adat resam dan pantang larang. Ini kerana terdapat pelbagai suku kaum yang telah mewarnai kehidupan masyarakat di Sabah yang akhirnya menjadi satu kehidupan tersendiri dan harmonis.

Muzik yang merupakan salah satu sumber keistimewaan dan kekayaan budaya di Sabah turut memiliki kepelbagaian. Hampir setiap kaum di Sabah mempunyai ciri-ciri muziknya yang tersendiri.

Bagi memperlihatkan keunikan muzik di negeri Sabah ini, 'Rhythms of Kinabalu 2014' telah dianjurkan oleh JKKN (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian) Sabah yang mana pelbagai genre muzik Sabah dan lagu-lagu 'Rakyat' negeri ini telah digabungkan dalam bentuk persembahan unik bersama orkestra.

Orkestra UMS (Universiti Malaysia Sabah) yang menggabungkan 50 ahli muzik terdiri dari para pelajar dan alumni Program

Muzik, FKSU, UMS & Sabah Institute of Art (SIA) bakal dipimpin oleh pensyarah muzik UMS dan komposer lagu-lagu tempatan saudara Roslee Haji Wahid (Rafiq Roslee).

ROK 2014 (Rhythm of Kinabalu) ini bakal berlangsung pada 13-14 September ini di Auditorium Kompleks Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara, Kota Kinabalu. Kehadiran penonton amat dialu-alukan untuk memberikan sokongan kepada para pengkarya, pemuzik dan penyanyi dari Sabah di samping memartabatkan lagi seni persembahan di negeri ini.

Persiapan ROK mula dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara (JKKN), Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) sejak awal Julai lalu. Gabungan kerjasama ini sudah membuktikan bahawa penganjuran ROK adalah satu penganjuran yang sangat besar, kompleks dan rumit serta memerlukan perancangan rapi.

Setelah kumpulan panel penggubah lagu orkestra



menyiapkan kerja masing-masing selama sebulan, latihan intensif orkestra bersama alat-alat muzik tradisional Sabah, kumpulan Suara Buluh Perindu dan Sound of Borneo telah dijalankan setiap hari selama dua minggu bermula 2 September dan dijadualkan tamat 13 September nanti.

Penggubah lagu-lagu orkestra ini terdiri daripada para pensyarah muzik, pelajar dan alumni UMS.

Keunikan yang ada pada orkestra ini adalah muzik


yang lebih menekankan dan menetengahkan alat muzik tradisional Sabah seperti Kulintang, Suling bambu, Sompoton, dan Gambus. Jika dibandingkan dengan persembahan ROK pada tahun-tahun yang lalu, Konsert ROK kali ini memberikan satu kelainan dan keistimewaan yang tersendiri.

Selain lagu-lagu traditional dan lagu rakyat, konsert itu juga nanti akan menonjolkan satu persembahan istimewa sempena dengan Hari

Malaysia iaitu sebuah lagu patriotik yang baru sahaja dilancarkan dan mendapat sambutan hangat di seluruh negara yang bertajuk 'Demi'. Lagu ciptaan dan hasil tulisan Roslee Haji Wahid ini yang dinyanyikan oleh Dayang Noraini telah mendapat siaran dan liputan menyeluruh di RTM (TV1, TV2) dan TV3.

Lagu ini antara lain, menyeru agar rakyat Malaysia terus bersatu-padu dan menghargai kemakmuran negara kita yang telah dikecapi hingga kini sehingga terhasilnya masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Kemakmuran itu telah menjadi satu keunikan negara seperti keunikan pelbagai gabungan muzik tradisional yang akan dipersembahkan semasa konsert ROK itu nanti.

Bagi memeriahkan lagi suasana konsert itu nanti, terdapat beberapa artis jemputan yang sememangnya tidak asing lagi di negeri Sabah seperti Dayang Noraini, Den Bisa, Velvet AF dan Janrywine J Liusin. Masing-masing mereka akan menyanyikan beberapa buah lagu popular dan masakini.



DAYANG NORAINI

Roslee Haji Wahid selaku Pengarah muzik dan juga pemimpin orkestra bagi persembahan ROK 2014 ini berharap masyarakat akan semakin menyedari betapa pentingnya untuk menghargai muzik-muzik tradisional Sabah yang mempunyai keistimewaan dan keunikannya yang tersendiri di samping mendedahkan masyarakat Sabah bahawa muzik tradisional dapat dimuatkan

dalam persembahan orkestra. Beliau juga berharap agar kerjasama erat antara pihak JKKN, UMS dan Lembaga Kebudayaan Sabah dapat diteruskan bagi menaikkan lagi mutu serta kualiti seni persembahan di negeri ini.

Roslee amat bersyukur dan berpuas hati kerana para pelajar UMS mendapat peluang terlibat dalam konsert yang gilang-gemilang seperti ini.



VELVET AF4



VELVET AF



NEBA